PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
|---|---|
| Date | 2 OCTOBER 2016 |

# 'DAKYAH GOEBBELS' & REALITI EKONOMI

um -2/10/2016

PENULIS secara peribadi menganggap tulisan terbaru Tun Dr. Mahathir Mohamad di dalam blog beliau sebagai cerminan perspektif politik yang kian terdesak. Cubaan menindas dan memenggal kebenaran dengan menyamakan beberapa pimpinan kerajaan sebagai 'Goebbels kecil' adalah tuduhan yang lemah dan klise sifatnya.

Tidak ada pimpinan kerajaan, mahupun anggota Kabinet yang layak disamakan dengan gerakan sedangkal dan sejahat Goebbels. Malah, kepada penulis, yang lebih memerlukan propaganda, dakyah dan cerita palsu adalah kumpulan yang terdesak mencari lubang kuasa. Maka bertebaranlah cerita dan cereka yang jauh daripada hakikat kebenaran. Kelesuan ekonomi semuanya dihalakan kepada kesilapan kerajaan. Tidak ada tindakan kerajaan yang dirasakan tepat dan betul.

Ironinya, beberapa bulan dahulu sebahagian daripada pendakyah ulung dalam kalangan mereka ini jugalah yang mendokong polisi dan tindakan kerajaan. Apakah niat mereka pada ketika itu? Apakah hanya mahu menjaga kedudukan dan posisi? Di mana ideal kebenaran hakiki yang mereka perjuangkan?

Tindakan Tun Mahathir dan kumpulan 'pendakyah atas talian' (*online propagandist)* yang diterajui individu tertentu mencerca ekonomi negara ini tidak memanfaatkan sesiapa. Fikiran mereka ini masih terbelenggu dengan kemburan dan kelodak pandangan lampau yang sudah tidak lagi relevan.

Kerja mereka mudah. Prolog dan prakata biasanya didahului dengan kata nista dan penghinaan. Baru-baru ini, Goebbels, Hitler dan Nazi menjadi subjek baru mengukuh pandangan. Niat penulisan hanya mahu menyebarkan pertengkaran dan adu domba. Cemuhan disampaikan seolah-olah mereka adalah kumpulan paling bersih dan suci daripada noda politik.

> **Jangan sangka gelar hodoh yang kita berikan kepada orang lain, tidak mampu terpercik dan kembali mengotorkan imej kita sendiri.**

Penulis ambil contoh bagaimana penulisan seorang wartawan veteran, dengan niat yang sengaja mahu menyamakan suasana ekonomi mutakhir ini dengan kegagalan kerajaan. Kerajaan hari ini, dikatakan tidak mengambil iktibar daripada krisis ekonomi masa lalu - 1980-an; krisis harga komoditi dan 1997-98; krisis mata wang.

Maka, dihidangkan kepada khalayak segala macam statistik dan data sendeng untuk meranapkan imej dan mengukuh hujah anti-kerajaan. Tidak semua hujah yang diberikan betul dan tepat. Malah, sebahagiannya sudah dijawab apabila orang sama mempertahan pandangan bahawa Malaysia akan bankrap sedikit masa lagi. Yang diulang-ulang adalah angka 'hutang' yang dikatakan bakal meletakkan kerajaan dan negara dalam keadaan serba canggung. Perenggan dan patah hujah yang sama, sepatutnya turut mengemukakan pandangan 'ikhlas' lagi 'objektif'; bahawa hutang yang meningkat turut dituruti dengan peningkatan ekonomi yang nyata!

Jika KDNK tahun 2000-2003 berada di sekitar RM400b; hari ini angkubah sama mencatatkan lebih 1.0 trillion. Ekonomi tidak statik. Kadar hutang yang tinggi tidak boleh dilihat secara bersendirian - tanpa menilainya dengan angka pertumbuhan. Ini baru dasar nilaian yang betul. Bekas wartawan yang sudah menjadi 'pendakyah utama' anti-kerajaan juga patut rajin sedikit mengakas kajian mutakhir yang dilakukan bagi memperkuat hujah dan formula 'hutang-bankrap-salah kerajaan' ini. Cuba baca sedikit bagaimana kajian empirikal seperti '*The Impact of High and Growing Government Debt on Economic Growth: An Empirical Investigation for the Euro Area*'.

Takat dan tingkatan hutang bagaimana yang disifatkan membencana dan mampu merosakkan perbendaharaan negara? Semua ini kajian yang boleh diakses dengan mudah. Soalnya, mahu atau tidak bersikap lebih objektif? Kepada pendakah maya, yang pastinya bukan 'percuma' harganya, perkara negatif mesti diulang-ulang bagi memberikan rakyat rasa takut dan hilang percaya. Tidak keterlaluan, kumpulan ini lebih 'likat semangat Goebbels' berbanding orang lain.

## Diwarisi

Zaman siapa yang himpunan seluruh negara dijadikan sandaran kepada 'serangan dari luar' yang kononnya mahu menjatuhkan kepimpinan dan menjarah harta negara. Blog dan ruang maya siapa yang berpaksikan falsafah '*Der Angriff*' (akhbar milik Goebbels) - yang berpegang kepada niat; 'propaganda' tidak memerlukan kita melihat isu secara objektif?

Bukan niat artikel ini mahu menuduh sesuatu yang negatif. Sudah tiba masa, rakyat dihidangkan dengan pandangan yang saksama dan adil. Angka ekonomi jangan disulami fakta dan statistik sendeng untuk memuaskan serakah dendam peribadi. Artikel ini tidak berniat mengatakan semuanya berada di dalam keadaan yang sempurna dan kukuh. Memang ada keperluan kita melakukan penambahbaikan dan ia sedang dilakukan dengan giat dan bersungguh. Pimpinan dahulu juga tidak maksum dan sempurna.

Malahan, mungkin sahaja asas permasalahan kita hari ini, diwarisi dengan keputusan lampau yang silap dan tidak menyebelahi kerajaan hari ini. Kelodak itu tidak perlu agaknya kita terlalu beratkan. Yang mahu penulis katakan, di saat dan ketika ini, tidak ada 'formula ekonomi sempurna' yang mampu mengeluarkan mana-mana negara dengan mudah daripada gugatan ekonomi global.

Penulis baru sahaja kembali dari Venezuela, sebuah negara yang juga sedang mencari formula dan mekanisme untuk kembali mencari rentak ekonomi yang tepat. Dengan kebergantungan hampir sepenuhnya kepada pendapatan minyak dan gas; iklim ekonomi mutakhir ini menjadi hambatan paling besar dan menguji. Keadaan inflasi mencecah 180% - dengan kesukaran memperoleh waima barangan asas sekalipun. Keadaan kewangan Petroleos de Venezuela (PdVSA), yang sama fungsinya dengan Petronas di Malaysia, jauh lebih meruncing.

Namun, itu tidak bermakna mereka tidak berusaha untuk memperbaiki keadaan. Agenda pembangunan mesti diteruskan setakat yang mereka boleh usahakan. Langkah pembetulan mesti diambil dengan kepercayaan bahawa 'negara' mesti diberikan keutamaan. Keadaan ekonomi tidak akan mampu diperbaiki dengan memberi kata gelar dan penghinaan. Ini bukan perlambangan seorang negarawan. Jangan turun serendah itu. Kita boleh berseteru secara polisi, tetapi bukan dalam suasana begini.

Kita semua ada tanggungjawab untuk memastikan negara berada di landasan ekonomi dan politik yang tepat. Ia tidak semestinya bermula dengan melabel mana-mana pihak dengan gelar yang tidak wajar dan jelik. Jangan sangka gelar hodoh yang kita berikan kepada orang lain, tidak mampu terpercik dan kembali mengotorkan imej kita sendiri.

**PENULIS ialah Timbalan Menteri Luar Negeri**